

Industri granit di Malaysia berpotensi

Oleh SOPHA SULAIMAN dan ABDUL HAMID MOHAMAD

SUNGAI PETANI 28 Jan. — Industri granit di negara ini yang belum dimajukan sepenuhnya berpotensi untuk berkembang baik termasuk untuk dieksport kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Katanya, bagi meningkatkan pengeluaran ubin-ubin granit, kerajaan menawarkan galakan cukai dan memberikan elaun cukai pelaburan (taraf perintis) terhadap ubin granit tempatan yang bergilap.

Bagaimanapun, kata Perdana Menteri, pemberian galakan tersebut tertakluk kepada syarikat yang menggunakan sekurang-kurangnya 50 peratus granit daripada sumber tempatan.

"Saya yakin Malaysia berpotensi besar untuk

mengesport ubin-ubin granit bergilap ke luar negara dan penggunaan granit bagi ukiran dan cenderamata yang akan menambahkan nilainya serta sesuai untuk pasaran tempatan dan eksport," kata Dr. Mahathir.

Perdana Menteri menyatakan perkara itu ketika berucap merasmikan kilang Prime Granite (M) Sendirian Berhad di Kawasan Perindustrian Bakar Arang di sini, petang ini.

Turut hadir di majlis itu ialah isterinya, Datuk Seri Datin Paduka Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali serta Menteri Besar Kedah, Tan Sri Osman Aroff.

Kata Perdana Menteri, industri granit dianggap baru di negara ini dan syarikat pertama daripada empat syarikat yang diluluskan hanya mula beroperasi pada akhir tahun 1991.

Sebelum ini, kepingan ubin-ubin marmar begitu

populer bagi pembinaan rumah, hotel dan bangunan komersil, tetapi ubin jenis itu tidak tahan lama dan memerlukan penjagaan rapi, ketanya.

Sebaliknya, beliau menambah, kepingan ubin granit dijangka mendapat tempat di kalangan pembeli memandangkan ia lebih tahan lasak dan sesuai bagi hiasan luar dindang.

Pendapatan

Dr. Mahathir juga menyatakan industri yang berasaskan pasaran tempatan termasuk industri bahan-bahan binaan telah mencatat perkembangan yang kukuh disebabkan oleh pendapatan perniagaan meningkat sehingga mereka mampu menggunakan bahan mewah seperti granit untuk bangunan-bangunan.

Selaras dengan perkembangan keseluruhan dalam aktiviti pembinaan, pengeluaran bahan-

bahan yang berkaitan dengan binaan bertambah pada tahun 1993, kata Perdana Menteri.

Menurut beliau, anggaran terbaru menunjukkan permintaan dan penawaran bahan-bahan binaan bertambah pada kadar purata 15 hingga 20 peratus setahun.

Prestasi sektor pembinaan juga dijangka bertambah baik pada tahun 1994 dengan peningkatan nilai tambahan sebanyak 11.7 peratus, tambahnya lagi.

Sebelum itu, katanya, sektor perkilangan di negara ini mencapai tahap yang dikagumi oleh negara-negara membangun lain di mana dalam tempoh 1988 hingga 1993, ekonomi negara berkembang pesat dengan purata lapan peratus setahun.

Sektor perkilangan terus mencatatkan pertumbuhan yang menggalakan dan berkembang 12 peratus setahun antara

1991 hingga 1993, katanya.

Menurut beliau, punca utama perkembangan sektor ini disebabkan oleh sumbangan daripada industri yang berorientasikan eksport.

Pada majlis perasmian kilang itu, Dr. Mahathir juga sekali lagi mengingatkan pentingnya semua pihak mengawal inflasi.

Inflasi

"Selagi kita dapat membendung inflasi, kos keluaran barangan kita akan terus rendah dan ini membolehkan negara bersaing dalam pasaran dalam dan luar negara," kata Dr. Mahathir.

Bagaimanapun, ujar beliau, sekiranya inflasi meningkat, pendapatan pekerja mungkin bertambah, tetapi dalam masa yang sama mereka tidak akan dapat membeli barangan atau mendapatkan khidmat yang lebih daripada dahulu.